



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 10 JANUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERKASAKAN PERANAN NAFAS EDAR BAJA KEPADA PETANI -PPK, BERNAMA -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
2.	NAFAS DIYAKINI MAMPU KEKAL MENJADI PEMBEKAL BAJA BERKUALITI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
3.	NAFAS PERLU KEKAL SEBAGAI PEMBEKAL UTAMA BAJA NEGARA, BERNAMA -ONLINE	
4.	PERKASA PERANAN NAFAS BUKAN SWASTAKANNYA -PESAWAH KEDAH, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
5.	KEKALKAN PERANAN NAFAS AGIH BAJA SUBSIDI, NASIONAL, SH -7	
6.	BANGKIT SELEPAS LIMA KALI TANAMAN NANAS DIMUSNAH GAJAH, DALAM NEGERI, UM -35	LAIN-LAIN
7.	HARGA SAYUR, IKAN MULA STABIL, DALAM NEGERI, UM -36	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

taip untuk carian



AM > BERITA

Perkasakan Peranan NAFAS Edar Baja Kepada Petani – PPK

🕒 09/01/2025 09:53 PM



Pesawah, Amran Sani Sudin, sedang meneliti hasil tanaman padi di sawahnya yang terletak di Kampung Padang Tok Sora, Merbok, -- fotoBERNAMA(2025) HAKCIPTA TERPELIHARA

SUNGAI PETANI, 9 Jan (Bernama) -- Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Kedah mahu peranan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dalam pengedaran baja diperkasakan dan enggan tugas itu diserahkan kepada pihak swasta.

Ahli Jemaah Pengarah PPK Merbok Hamdi Said berkata timbul kebimbangan apabila ada desas-desus untuk menswastakan pengedaran baja kepada petani dan peladang.

"Peranan NAFAS perlu diperkasakan kerana apabila diswastakan kepada pihak luar akan memberi kesan kepada petani sebab pihak swasta sudah tentu mementingkan keuntungan.



"Sedangkan NAFAS ialah satu entiti yang boleh memberikan pulangan balik kepada petani ... sejak dahulu menjaga kebajikan pesawah dan ahli peladang. Malah, keuntungan yang diraih oleh NAFAS turut dikongsi semula dengan ahli dalam bentuk dividen saham," katanya kepada pemberita di Kampung Padang Tok Sora, Merbok dekat sini hari ini.

Beliau berkata dalam keadaan ekonomi tidak menentu risiko besar menanti petani sekiranya penswastaan ini benar-benar dilaksanakan.

"Lebih terkesan petani yang memiliki sawah berkeluasan kecil ... wujud keadaan mereka terpaksa membeli beras dalam kuantiti sekilo atau dua kilo meskipun mereka turut mengusahakan padi. Justeru, jika NAFAS terus diberi kepercayaan dan diperkasakan, saya yakin situasi ini dapat diubah dan nasib petani kembali terbela," katanya.



Dalam perkembangan sama, Pengerusi PPK Guar Cempedak Jamaludin Hussin mahu peranan NAFAS diperluas termasuk menjalankan kajian terhadap pH (ukuran keasidan atau kealkalian) tanah mengikut kawasan berbeza dalam usaha menghasilkan baja mengikut kesesuaian tanah.

"Tak perlu diswastakan, biar NAFAS terus memainkan peranan sebagai pengedar baja cuma mungkin peranannya boleh diperluas dengan membuat kajian pH tanah seterusnya menghasilkan baja yang lebih berkualiti bagi meningkatkan pengeluaran padi.

"Buat masa ini, semua kawasan menerima baja yang sama ... sama ada di kawasan bukit atau berhampiran laut, kalau NAFAS dapat buat kajian dan bekalkan baja berkualiti mengikut keperluan tanah di kawasan berkenaan ia dapat membantu meningkatkan hasil," katanya.

Beliau berkata hasil sesetengah kawasan mencecah purata lima hingga enam tan malah ada kawasan mengeluarkan purata tujuh hingga lapan tan padi.

"Jika kualiti baja ditingkatkan sesuai dengan pH tanah maka hasilnya dijangka meningkat," katanya.

Sementara itu, beliau berkata PPK Guar Cempedak tidak mengalami masalah kelewatan penerimaan baja daripada NAFAS.

"Setakat ini urusan agihan berjalan lancar, mungkin faktor kedudukan kilang NAFAS yang berdekatan dengan PPK kami

"Bagaimanapun, kami sering berkomunikasi dengan pihak NAFAS berhubung bekalan baja bagi memastikan kelancaran pengagihannya kepada petani," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras PPK MADA Ishak Taib pula berharap agar kerajaan dapat mempercepat proses pengurusan kontrak pembekalan baja hanya kepada NAFAS supaya pengagihan baja berjalan lancar.

"Keadaan pembekalan sedia ada sudah elok ... pembekalan baja sebatian atau baja campuran, pembekalan baja urea dan baja NPK cukup baik, baja yang dibekalkan NAFAS selama ini sampai kepada petani mengikut jadual.

"Mungkin penambahbaikan dari segi pengurusan boleh dibuat supaya pengagihan di peringkat bawah tetap berjalan lancar," katanya.

Beliau berkata terdapat 27 PPK di Kedah dan Perlis membabitkan wilayah satu hingga empat.

"Sejak tahun 70-an baja dibekalkan oleh NAFAS sehingga sekarang dan pembekalan berjalan lancar.

"Saya risau jika dibekalkan pihak lain, kita tak nampak mereka ini memahami atau tidak rutin penanaman padi atau pembekalan yang dibuat namun jika proses pengagihan lambat akan beri kesan ketara kepada hasil padi," katanya.

Beliau turut menekankan bahawa hubungan erat antara NAFAS dan PPK melalui rantaian Pertubuhan Peladang menjadi kunci utama memastikan keberkesanan sistem ini demi manfaat semua pihak.

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/1/2025	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

NAFAS diyakini mampu kekal menjadi pembekal baja berkualiti



Mohd Nasir menunjukkan tanaman padi yang bakal dituai pada awal Februari nanti.

MERBOK – Peranan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) diyakini mampu menjadi pembekal utama baja subsidi berkualiti kepada para petani di seluruh negara.

Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok, Faizul Mat Hasan berkata, ia terbukti dengan keupayaan NAFAS menguruskan pembekalan baja subsidi kepada sektor pertanian terutamanya kepada pesawah

selama ini.



Faizul.

“Kita di PPK buat tempahan baja kepada NAFAS dan proses pengagihannya berjalan dengan lancar mengikut jadual yang ditetapkan.

“Cuma baru-baru ini berlaku sedikit kelewatan namun faktor itu tidak boleh kita labelkan NAFAS gagal kerana selama ini semua proses termasuk pengedaran baja

kepada pesawah berjalan dengan lancar.

“Justeru kami yakin NAFAS mampu melaksanakan fungsi ini dengan baik kerana mereka sudah lama beroperasi dalam bidang ini dan memahami keperluan petani,” katanya ketika ditemui di Kampung Padang Tok Sora hari ini.

Sementara itu, seorang pesawah, Abd Malik Omar, 66, turut menyatakan sokongan penuh terhadap NAFAS agar diberikan kepercayaan dalam menguruskan pengagihan baja kepada pesawah.



Abd Malik.

“NAFAS ini ibarat keluarga buat pesawah kerana kita bergantung penuh dengan baja yang diberikan mereka mengikut jadual untuk memastikan hasil tanaman padi.

“Jadi pesawah dengan NAFAS ini saling berkait jika mereka ada masalah semestinya ia memberi impak kepada kami jadi takkan kerana kemelut tempoh

hari kita nak hukum mereka (NAFAS) dengan menswastakan pertubuhan itu.

“Bagi saya NAFAS telah banyak berjasa kepada pesawah kami berharap mereka dapat terus berfungsi dengan baik demi kesejahteraan pesawah negara ini,” katanya.

Seorang lagi pesawah, Mohd Nasir Osman, 58, berharap agar kerajaan tidak mengambil keputusan menswastakan pengagihan baja bagi menjaga kestabilan sektor pertanian dan kualiti baja yang diterima pesawah di seluruh negara.

“Kita kena tahu bahawa pembekalan baja tepat waktu sangat penting untuk memastikan pengeluaran padi berjalan lancar.

“Jika pembekalan baja diswastakan kepada pihak lain yang tidak berpengalaman, ini boleh menjejaskan jadual kami kerana NAFAS sudah mempunyai data lengkap pesawah dan ahli peladang. NAFAS dan PPK pula saling melengkapi dalam rantai Pertubuhan Peladang serta memastikan kelangsungan perkhidmatan yang efisien,” katanya. – MalaysiaGazette



AM > BERITA

NAFAS Perlu Kekal Sebagai Pembekal Utama Baja Negara

09/01/2025 09:59 PM



Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok, Faizul Mat Hasan

SUNGAI PETANI, 9 Jan (Bernama) -- Peranan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pembekal utama baja kepada petani di seluruh negara perlu dikekalkan, kata Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok Faizul Mat Hasan.

Beliau berkata sejak sekian lama PPK membuat tempahan baja daripada NAFAS dan pengagihan berjalan mengikut jadual.

"Kami di PPK buat tempahan kepada NAFAS dan mereka perlu hantar dalam tempoh 30 hari kepada PPK... Selepas itu, PPK akan edarkan terus kepada petani yang mengusahakan sawah dengan menjadikan 45 hari keseluruhan tempoh pembekalan.



"Dua tiga musim lepas, semuanya berjalan mengikut jadual, cuma berlaku sedikit kelewatan pada musim baru-baru ini tetapi semuanya sudah selesai... Saya berharap agar NAFAS kekal sebagai pembekal baja kepada para petani dan yakin dengan kemampuan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab pembekalan," katanya ketika ditemui pemberita di Kampung Padang Tok Sora, Merbok di sini hari ini.

Faizul berkata musim kedua penanaman padi bagi tahun 2024 dijangka berakhir selepas padi mula dituai awal Februari ini.

"Bagi kawasan Merbok, sudah ada kawasan sawah yang mula menuai hasil padi dan ada yang akan dituai menjelang Februari ini.



"Untuk musim berikutnya, saya berharap agar bekalan baja dapat diagihkan oleh NAFAS menerusi PPK kepada petani dengan baik dan teratur," katanya.

Sementara itu, seorang pesawah Abd Malik Omar, 66, berkata NAFAS sudah dianggap sebagai anggota keluarga kepada PPK, para pesawah serta peladang.

"Saya menyokong penuh kesatuan dan ikatan yang telah terbina sejak sekian lama... PPK dan NAFAS satu keluarga yang wajib dikekalkan demi membantu pesawah dan peladang mencapai matlamat menyediakan makanan utama negara.

"Saya berharap agar NAFAS dapat melepasi kemelut yang melanda dan kembali menjalankan peranan mereka dengan lebih baik," katanya.

Seorang lagi pesawah, Mohd Nasir Osman, 58, pula berkata dia mula mengusahakan sawah sejak berusia belasan tahun.

"Dalam keadaan ekonomi ketika ini, sebagai pesawah sudah tentu saya mengharapkan yang terbaik serta mahu meningkatkan pengeluaran padi, bukan hanya untuk meningkatkan pendapatan kami tetapi juga meningkatkan bekalan beras tempatan di pasaran.


"Sebab itu saya harap pembekalan baja terus diserahkan kepada NAFAS seperti sebelumnya... Banyak jasa NAFAS kepada pesawah, kalau ada kekurangan perbaiki tetapi biar NAFAS terus berbakti kepada PPK dan pesawah," katanya.

Mohd Nasir berkata risiko besar menanti petani sekiranya masalah di peringkat atasan masih berlarutan atau kerajaan menyerahkan

"Jika berlaku kelewatan pengedaran baja, musim penanaman padi tidak dapat bermula mengikut jadual dan hasil padi mungkin terjejas.

"Jika diswastakan pula, risiko untuk petani mungkin lebih teruk sebab mereka tiada pengalaman... Keadaan akan jadi kucar-kacir, sebab itu saya berharap agar kerajaan dapat buat keputusan terbaik," katanya.

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),
[@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

[nafas](#) [baja](#) [pesawah](#) [beras](#) [padi](#) [ppk](#)

BERITA BERKAITAN



Perkasakan Peranan NAFAS Edar Baja Kepada Petani - PPK

🕒 11jam lalu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/1/2025	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Perkasa peranan NAFAS bukan swastakannya – Pesawah Kedah



urusan tersebut kepada pihak luar.

Pesawah di negeri Kedah menggesa kerajaan untuk memperkasakan peranan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dalam pengagihan baja bantuan kerajaan kepada pesawah berbanding menswastakan urusan tersebut kepada pihak luar.

MERBOK – Pesawah di negeri Kedah menggesa kerajaan untuk memperkasakan peranan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dalam pengagihan baja bantuan kerajaan kepada pesawah daripada menswastakan

Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan Merbok, Hamdi Said berkata, pihaknya bimbang jika menswastakan urusan tersebut kemungkinan berisiko sekiranya pihak luar mengutamakan keuntungan berbanding kepentingan pesawah.

Jelas beliau, peranan NAFAS dalam membantu golongan pesawah selama ini tidak boleh dinafikan kerana mereka lebih memahami keperluan dan susur galur petani tempatan serta mempunyai pengalaman yang mendalam dalam menangani isu agihan baja.



Hamdi.

“Jika kita serahkan segala urusan kepada pihak swasta, bimbang ia mengambil masa untuk dilaksanakan secara teratur selain entiti luar berkemungkinan lebih mementingkan keuntungan semata-mata berbanding pendapatan petani.

“Kita boleh lihat berlaku pergolakan di pihak atasan NAFAS baru-baru ini sehingga menjejaskan agihan baja kepada pesawah.. itu baru pergolakan atasan jika diberikan kepada orang baru (swasta) untuk uruskan mungkin insiden agihan baja tidak teratur sekali gus menyebabkan petani menanggung kerugian.

“Malah wujud juga keadaan di mana petani terpaksa membeli beras dalam kuantiti sekilo dua untuk keperluan keluarga mereka meskipun masing-masing merupakan pesawah dan kita percaya sekiranya NAFAS diberi kepercayaan serta diperkasakan keadaan ini mungkin berubah,” katanya ketika ditemui pemberita di Kampung Tok Sora hari ini.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras PPK MADA, Ishak Taib berharap agar kerajaan dapat mempercepatkan proses pengurusan kontrak pembekalan baja hanya kepada NAFAS untuk memastikan kelancaran pengagihan kepada petani berterusan.



Ishak.

“Jika pembekalan baja diserahkan kepada pihak yang tidak memahami jadual dan keadaan pertanian padi, ia akan memberi impak besar terhadap hasil padi. Padi memerlukan baja pada waktu tepat, terutama baja sebatian, urea, dan (baja) NPK (Nitrogen, phosphorus dan kalium) yang perlu diberikan mengikut fasa pertumbuhan padi.

“Cuma kita harap NAFAS buat penambahbaikan dalam pengurusan terutama dalam memastikan tiada gangguan dalam proses pengagihan baja seperti yang berlaku baru-baru ini,” katanya.

Turut menyuarakan pandangan sama, Pengerusi PPK Guar Cempedak, Jamaludin Hussin yang berpendapat, kerajaan perlu memperluaskan peranan NAFAS berbanding mahu menswastakan perkhidmatan yang dilakukan pertubuhan tersebut.



Jamaludin.

Beliau menyarankan selain pengagihan baja, NAFAS diberikan tanggungjawab untuk menjalankan kajian terhadap pH (ukuran asid dan alkali) tanah bagi memastikan baja yang digunakan sesuai dengan kawasan laut, darat dan bukit agar petani tempatan dapat menghasilkan padi yang lebih berkualiti.

“Bagi saya, pengurusan baja oleh NAFAS yang sentiasa efisien. Kami PPK Guar Cempedak, sangat dekat dengan kilang NAFAS dan proses penghantaran baja sangat cepat jadi kita tak perlu bagi peranan mereka kepada orang lain sebaliknya tambahkan lagi tanggungjawab mereka dalam memastikan kesejahteraan kepada pesawah.

“Sekiranya kajian pH tanah dilakukan oleh NAFAS dan baja diubahsuai mengikut keadaan tanah, saya yakin hasil padi di kawasan PPK Guar Cempedak boleh meningkat.

“Setakat ini, hasil purata padi adalah sekitar lima hingga enam tan tapi kita percaya dengan penyesuaian baja mengikut jenis tanah hasilnya pasti akan bertambah,” katanya. – MalaysiaGazette

Lebih memahami keperluan
dan permasalahan petani.

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA
MERBOK

Kekalkan peranan NAFAS agih baja subsidi

Pesawah di negeri Kedah mengharapkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) diberi peranan untuk terus membekalkan baja subsidi kepada pesawah berbanding menswastakan pengagihan kepada syarikat luar.

Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok, Hamdi Said berkata, pihaknya bimbang menswastakan urusan tersebut kemungkinan mendatangkan risiko sekiranya lebih mengutamakan keuntungan berbanding kepentingan pesawah.

Menurutnya, peranan NAFAS dalam membantu golongan pesawah selama ini cukup penting kerana lebih memahami keperluan dan permasalahan selain mempunyai pengalaman dalam pengagihan baja.

"Kita mengharapkan supaya NAFAS ambil balik peranan dan diperkasakan lagi bagi memastikan ia betul-betul berfungsi untuk membela petani," katanya ketika ditemui pemberita di Kampung Tok Sora di sini, pada Khamis.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras PPK MADA, Ishak Taib berharap agar kerajaan dapat mempercepatkan proses pemberian kontrak pembekalan baja untuk memastikan kelancaran pengagihan kepada petani secara berterusan.

"Jika pembekalan baja diserahkan kepada pihak yang tidak memahami jadual dan keadaan penanaman padi, ia akan memberi impak besar terhadap hasil padi. Padi memerlukan baja pada



Mohd Nasir menunjukkan hasil padi yang ditanam di Kampung Tok Sora, Merbok, Kedah.

waktu tepat, terutama baja sebatian, urea, dan NPK Tambahan yang perlu diberikan mengikut fasa pertumbuhan padi.

"Cumanya kita harap NAFAS membuat penambahbaikan dalam pengurusan, terutamanya untuk memastikan tiada gangguan dalam proses pengagihan baja seperti yang berlaku baru-baru ini," katanya.

Perluaskan peranan NAFAS

Selain itu, Pengerusi PPK Guar Cempedak, Jamaludin Hussin berkata, kerajaan perlu memperluaskan peranannya berbanding mahu menswastakan proses pengagihan baja.

Dalam masa sama, beliau mengharapkan agar NAFAS diberikan tanggungjawab untuk menjalankan kajian terhadap pH tanah bagi memastikan baja yang digunakan sesuai mengikut kawasan seperti pesisiran pantai dan kawasan bukit agar petani tempatan dapat menghasilkan padi yang berkualiti.

"Bagi saya pengurusan baja oleh



FAIZUL



HAMDI

NAFAS sentiasa efisien. Kami PPK Guar Cempedak, sangat dekat dengan kilang NAFAS dan proses penghantaran baja sangat cepat. Kita tidak perlu memberikan peranan mereka kepada orang lain sebaliknya tambahkan lagi tanggungjawab mereka dalam memastikan kesejahteraan kepada pesawah.

"Sekiranya kajian pH tanah dilakukan oleh NAFAS dan baja diubahsuai mengikut keadaan tanah, saya yakin hasil padi di kawasan PPK Guar Cempedak boleh meningkat.

"Setakat ini, hasil purata padi adalah sekitar lima hingga enam tan tapi kita percaya dengan penyesuaian baja mengikut jenis tanah hasilnya pasti akan bertambah," katanya.

Selain itu, Pengerusi Besar PPK Merbok, Faizul Mat Hassan meyakini bahawa NAFAS mampu meneruskan fungsinya dalam menghasilkan baja berkualiti sekali gus membekalkan baja subsidi kepada petani ke seluruh Malaysia.

"(Secara kebiasaan) daripada NAFAS sampai ke PPK, PPK akan buat edaran terus kepada petani yang mengusahakan sawah padi dan di harap (NAFAS) kekal sebagai pembekal baja kepada petani seluruh Malaysia," katanya.

Jelasnya, PPK sebagai stokis yang menguruskan pengagihan akan



ISHAK

JAMALUDIN

membuat tempahan baja kepada NAFAS yang perlu dihantar dalam tempoh 45 hari kepada petani.

"Berdasarkan dengan keluasan yang ada di PPK Merbok dari segi penghantaran kepada petani, kita telah menyediakan pengangkutan yang mencukupi.

"NAFAS boleh mengikuti jadual yang ditetapkan kerana kita *direct* dengan petani, kita tahu waktu bila baja diperlukan dan kita nak baja sampai tepat pada waktunya," jelasnya.

Bantu pesawah

Sementara itu, petani, Abd Malik Omar, 66, mengharapkan NAFAS dapat melepasi kemelut yang melanda serta dapat melaksanakan operasi pengagihan baja dengan lancar ke seluruh negara seperti sebelum ini.

"Saya menyokong penuh kesatuan dan ikatan rangkaian PPK dan NAFAS yang terjalin begitu lama, kedua-duanya bagaikan satu keluarga yang wajib kekal perhubungan demi membantu pesawah dan peladang.

"Ia juga bagi mencapai matlamat dalam usaha menyediakan makanan utama negara (dalam masa sama) kita minta juga pihak autoriti NAFAS ubah sikit kesesuaian keperluan dan apa yang penting mempertingkatkan lagi pendapatan peladang dan petani di seluruh Malaysia," katanya.

Selain itu, seorang lagi petani, Mohd Nasir Osman, 58, berkata, permasalahan yang dihadapi di peringkat atasan diharapkan dapat diatasi segera agar tidak menjejaskan hasil padi di seluruh negara.

"Kerajaan aturlah kerana sejak dulu sehingga sekarang NAFAS membekalkan baja. Alhamdulillah, walaupun ada kelewatan (agih baja), NAFAS berjaya juga membekal meskipun berhadapan dengan pelbagai isu.

"Saya dengar ada perancangan untuk mengubah kepada swasta, tak tahulah syarikat mana. Kami sebagai petani berharap keputusan yang elok dan yakin NAFAS mampu mengatasinya dengan penerapan nilai-nilai murni NAFAS dalam membantu petani negara," katanya.



ABD MALIK

MOHD NASIR



Baja yang berkualiti menghasilkan padi yang bermutu tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Bangkit selepas lima kali tanaman nanas dimusnah gajah

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

JERANTUT: Walaupun lima kali tanaman nanas jenis MD2 diusahakannya dimusnahkan gajah, semangat tidak berputus asa seorang warga emas dari Taman Pertanian Lembah Gelanggi, Pulau Tawar, dekat sini membolehkannya bangkit dengan memperoleh pendapatan berbaloi.

Zainul Ismail, 67, berkata, dia bersyukur kerana 100,000 pokok nanas MD2 yang diusahakannya di kawasan seluas kira-kira tiga hektar kini mengeluarkan hasil secara berperingkat sejak ditanam 14 bulan lalu.

"Tanaman ini dimusnahkan gajah lima kali sejak 2022, namun saya tidak serik menanam semula dengan membina pagar elektrik dan menggali parit sebagai usaha mengekang ancamannya.

"Usaha tanaman ini bermula 2022 apabila saya menerima bantuan sebanyak 17,000 benih nanas MD2 daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan berterusan sehingga ini," katanya semalam.

Menurut Zainul, pada peringkat awal tanaman dimusnahkan gajah liar, dia menanggung kerugian hampir RM50,000 untuk pengurusan ladang seperti membersihkan dan membajak tapak, menyediakan peralatan pertanian dan upah buruh.

"Walaupun kerap diancam gajah liar, bukan semua pokok



ZAINUL Ismail (dua dari kiri) melayan pelanggan yang membeli nanas MD2 di Taman Pertanian Lembah Gelanggi, Pulau Tawar, Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD



Tanaman ini dimusnahkan gajah lima kali sejak 2022, namun saya tidak serik...

nanas yang rosak, malahan kira-kira 10,000 pokok ini berbuah mengeluarkan hasil pertama pada hujung 2022 dengan memperoleh jualan kira-kira

RM40,000.

"Benih yang asal daripada bantuan LPNM, saya semai semula untuk projek tanaman seterusnya. Pada hujung 2023 sebanyak 100,000 pokok dijaga dengan rapi sudah mula mengeluarkan hasil awal bulan ini," katanya.

Dia menasaskan pendapatan antara RM60,000 hingga RM80,000 hasil yang dituai dalam tempoh tiga bulan ini dan sudah mencongak tanaman baharu sebanyak 250,000 benih di tapak yang sudah sedia dibersihkan berdekatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36

Harga sayur, ikan mula stabil

KOTA BHARU: Harga beberapa jenis sayur dan ikan kembali stabil setelah musim tengkujuh semakin reda sejak minggu ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Siti Khadijah di sini semalam mendapati, harga sayur sawi, kubis, tomato dan lada hijau turun antara RM1 hingga RM4 sekilogram (kg).

Seorang peniaga sayur, Kamarul Zafri Yusof berkata, sayur sawi dijual RM4 per/kg berbanding sebelum ini RM6; kubis RM3 hingga RM4 per/kg berbanding sebelum ini RM5; tomato RM6.50 per/kg berbanding RM8 dan lada hijau RM12 per/kg berbanding RM16 hingga RM18 per/kg.

"Harga sayur mula turun sejak minggu ini kerana bekalan sudah ada termasuk yang diambil dengan pembekal dari Cameron Highland dan Thailand.

"Bila harga kembali stabil ia tidak membebankan peniaga atau pengguna untuk membelinya," katanya.

Peniaga ikan, Zulkifli Ismail, 62, pula berkata, ikan juga dijual dengan harga mengikut pasaran apabila ada dalam kalangan nelayan sudah turun ke laut.

"Setakat ini, harga ikan mula stabil dan tidak terlalu mahal berbanding bulan lepas. Sebelum ini harga meningkat antara RM2 hingga RM4 per/kg kerana bekalan kurang dan nelayan tidak turun ke laut.

"Cuma kuasa membeli agak kurang terutama pada hari biasa, berbanding hari minggu," katanya.